

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)  
Hari/Tarikh: 24/5/2016  
Muka surat: 12

Tajuk : UNIMAS, PTPK anjur Program Apprenticeship

## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMAHIRAN DAN KERJAYA SERTA PROGRAM KESUKARELAJU DAN KEMASYARAKATAN

PELANCARAAN PROGRAM APPRENTICESHIP



RASMI... Richard Riot (empat dari kanan) dan Prof Wan (tiga dari kanan) meraasmikan Program Kemahiran dan Kerjaya 2016.

# UNIMAS, PTPK anjur Program Apprenticeship

SERIAN: Majlis Perasmian Program Kemahiran dan Kerjaya 2016, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan serta pelancaran Program Apprenticeship oleh Menteri Sumber Manusia, Dato Sri Richard Riot di Kampung Pichin, Serian.

Turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Wan Ibrahim Wan Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Mohd Fadzil Abdul Rahman dan wakil-wakil daripada jabatan kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program berkenaan.

Program ini merupakan program anjuran bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Yayasan Serian. Terdapat tiga program utama telah dirancang dan akan dijalankan iaitu Program Kemahiran dan Kerjaya, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan dan Majlis Pelancaran Program Apprenticeship.

Disedi Bahas

Program Kemahiran dan Kerjaya 2016 diadakan pada 21 Mei lalu. Manakala, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 20 hingga 22 Mei lalu.

Program Kemahiran dan Kerjaya 2016 adalah bertujuan memberi pendekatan berkaitan kerjaya mahir yang diperlukan di dalam pembangunan di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, pelbagai agensi dan jabatan yang berkaitan akan turut serta untuk membantu melalui penglibatan mereka di dalam Pameran Kemahiran dan Kerjaya.

Program ini juga memberi pendedahan kepada golongan belia tentang peluang pekerjaan, petua mencari pekerjaan dan juga memberi motivasi kepada para belia tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka.

Program ini dibahagikan kepada dua aktiviti iaitu sesi ceramah dan sesi bengkel. Sesi ceramah dikhususkan kepada remaja, lepasan sekolah dan pelajar menengah atas. Manakala sesi bengkel Mind

Mapping dikhuisuskan kepada guru dan pelajar sekolah rendah.

Program Kesukarelawan dan Kemahiran akan melibatkan mahasiswa-mahasiswa UNIMAS yang akan tinggal bersama 20 keluarga angkat di Kampung Pichin semasa program berkenaan berlangsung. Ia bertujuan untuk mereka mendekatkan diri dan memupuk semangat tanggungjawab kepada komuniti melalui Program Keluarga Angkat, gotong-royong, bengkel bersama pelajar sekolah dan sebagainya.

Program Apprenticeship merupakan inisiatif Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk memberi kursus dan latihan di industri yang dikenal pasti kepada 80 belia tempatan dari daerah Serian.

Selepas sesi perasmian, tetamu kehormat mengadakan lawatan ke gerai pameran yang menyediakan aktiviti seperti demo pendawaian, robotik, proses kimia dan sebagainya. Pameran ini diadakan bertujuan untuk memupuk minat belia-belia kepada bidang sains dan teknologi.